

HARI : _____

KHAMIS

TARIKH : _____

20/6/2019

M/SURAT :

3

Haziq diberi 14 hari jawab surat tunjuk sebab

KUALA LUMPUR 19 Jun - Lemba-
ga Disiplin PKR memberi
tempoh 14 hari kepada Ketua
Angkatan Muda Keadilan (AMK)
Santubong, Haziq Abdullah Ab-
dul Aziz untuk menjawab surat
tunjuk sebab yang akan diserahkan
kepadanya esok.

Surat tunjuk sebab itu ekoran
kenyataan umumnya ber-
hubung kontroversi video seks
melibatkan dirinya dan seorang
individu didakwa mirip Timbalan
Presiden parti itu.

Pengerusi Lembaga Disiplin PKR, Datuk Ahmad Kassim berkata, kenyataan Haziq Abdullah itu jelas telah mencemar nama parti selain menjatuhkan maruah dan merosakkan reputasi dan keperibadian kepemimpinan parti.

"Lembaga disiplin juga ambil maklum penafian Timbalan Presiden dan akan meneliti sebarang penjelasan sekiranya ada."

"Kami juga menunggu siasatan dan dapatai daripada PDRM ataupun pihak berautoriti terle-



ANWAR IBRAHIM dan Ahmad Kassim (dua dari kiri) dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Biro Politik PKR di ibu pejabat PKR di Tropicana Merchant Square, Petaling Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

bih dahulu selain memberi amaran keras kepada semua anggota parti supaya tidak membuat kenyataan tanpa asas dan fakta kepada kepemimpinan parti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di ibu pejabat PKR dekat Petaling Jaya di sini hari ini.

Yang hadir sama, Presiden

PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Tambah Ahmad, keempat-empat tindakan yang diambil tersebut telah dimaklumkan kepada Biro Politik PKR hari ini selepas Lembaga Disiplin PKR mengadakan mesyuarat, Ahad lalu.